

Azmin Beri Jaminan Perhimpunan Sokong Anwar 9 Januari Aman mStar Online

Januari 3, 2012

Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB

PETALING JAYA: Gerakan para penyokong Pakatan Rakyat (PR) untuk berhimpun menyokong Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang hari pengumuman keputusan kes liwatnya pada 9 Januari ini dijamin sebagai satu perhimpunan aman, kata Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Azmin Ali.

"Kita juga memberi jaminan bahawa tidak akan ada sebarang insiden yang tidak baik akan berlaku melainkan terdapat provokasi daripada pihak-pihak tidak bertanggungjawab," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini, Selasa.

Sehubungan itu, Azmin berkata, beliau menyeru seluruh rakyat Malaysia dan anggota-anggota parti untuk bersama-sama berhimpun pada hari berkenaan.

"Ini untuk meneruskan agenda kita dan tumpuan ialah memastikan rakyat bersama-sama dengan Pakatan Rakyat pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Azmin menghargai pimpinan dan rakan-rakan perjuangan dalam Pakatan Rakyat khususnya PAS dan DAP untuk turut bersama-sama menggerakkan perhimpunan menyokong Anwar pada 9 Januari ini.

"PAS dan DAP memberi jaminan bahawa mereka akan bersama-sama (dalam perhimpunan) pada 9 Januari ini," katanya.

Jelas beliau, gerakan itu bukan sekadar menunjukkan sokongan kepada Anwar tetapi persetujuan dalam pakatan adalah berdasarkan prinsip bahawa sistem yang ada sekarang perlu diperbaiki sama ada sistem ekonomi, kehakiman atau pendidikan.

"Kita yakin kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat bersama-sama dengan Pakatan Rakyat (untuk melakukan perubahan itu)," katanya yang terdahulu menegaskan PR akan menggerakkan seramai 100,000 penyokong pada hari tersebut.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/1/3/mstar_berita/20120103220622&sec=mstar_berita